

## **BAB 5: KESIMPULAN**

Sebagai sebuah negara yang mengalami ancaman aktiviti pemisahan yang begitu serius, konflik Papua Barat sentiasa menjadi agenda utama Indonesia untuk mengelakkan peristiwa kemerdekaan Timor Timur berulang. Papua Barat dianggap sebagai isu sensitif yang tidak boleh disentuh oleh pihak luar, kerana menkhawatiri campur tangan negara asing akan memberi cabaran kepada kedaulatan Indonesia. Bagi Australia, pendirian tradisional mereka yang menganggap Indonesia sebagai potensi musuh menyebabkan mereka mengambil berat dan sentiasa memantau perkembangan di Papua Barat, sekiranya menimbulkan ketidaksenangan Indonesia. Kontradiksi wujud antara Canberra dan Jakarta dalam konflik Papua Barat, apabila Indonesia menganggap ia sebagai isu dalaman, dan pendekatan Australia yang cuba mencampuri dalam konflik ini menimbulkan perasaan tidak puas hati Indonesia yang seterusnya menyebabkan ketegangan hubungan dua hala. Dasar luar Australia dalam hal-hal hak asasi juga menjadi cabaran kepada Indonesia.

Apabila membincangkan peranan konflik Papua Barat dalam hubungan Australia-Indonesia, konflik ini dilihat melemahkan lagi hubungan dua hala yang kompleks ini, dan menjadi halangan untuk meningkatkan tahap kepercayaan antara satu sama lain. Namun demikian, dari dimensi lain, ia menawarkan platform dan peluang yang baik untuk kedua-dua negara mengadakan kerjasama bagi mewujudkan keadaan yang stabil di Papua Barat, meskipun kerjasama sedemikian sering dikecam kerana mengabaikan aspek-aspek moral dan hak asasi manusia. Bab kesimpulan ini akan membincangkan kedua-dua cabaran dan prospek yang sedang dan bakal dihadapi oleh Canberra dan Jakarta dalam menangani konflik Papua Barat di samping menguruskan hubungan dua hala.

## **Cabaran Dalam Menangani Konflik Papua Barat**

Pendirian kerajaan Australia mengenai status Papua Barat adalah konsisten, iaitu menyokong kedaulatan Indonesia ke atas wilayah ini semenjak 1960-an. Tidak seperti krisis Timor Timur yang membawa ketegangan serius kepada hubungan dua hala pada era pasca Suharto, Australia tidak pernah mencabar kedaulatan Indonesia ke atas Papua Barat atau berpendirian menyokong orang Papua Barat menuntut kemerdekaan, tetapi pendekatan Australia sedemikian masih tidak cukup untuk menyakinkan Indonesia bahawa mereka tidak mempunyai niat untuk mencampuri hal ehwal dalaman mereka. Selepas kemerdekaan Timor Timur pada 1999 yang dilihat berpunca daripada campur tangan Australia, perasaan tidak percaya Jakarta terhadap Canberra semakin menebal, kerana meskipun Australia telah memberi jaminan bahawa tidak akan mengubah pendirian dan sokongan mereka ke atas integriti Indonesia, namun Australia mungkin tidak akan mengotakan janji mereka ini apabila mereka terpaksa bertindak mengikut keadaan semasa, sekiranya pergolakan hebat berlaku di Papua Barat dan Australia terpaksa membelakangi Indonesia demi kepentingan sendiri.

Konflik Papua Barat sukar menemui cara penyelesaian yang sesuai disebabkan dua faktor utama, iaitu perkembangan politik di Indonesia pada zaman pasca Suharto, serta tiada toleransi yang diberikan pemimpin Indonesia terhadap keinginan orang Papua Barat. Selepas zaman pasca Suharto dan kemerdekaan Timor Timur pada 1999, sesetengah daerah Indonesia seperti Maluku, Aceh dan Papua Barat turut mengidamkan untuk muncul sebagai Timor Timur yang kedua, dan tuntutan sedemikian adalah dianggap bahaya oleh Indonesia kerana mengkhawatiri ia akan menjadi efek “domino” yang sejurusnya menyebabkan struktur Indonesia menjadi berpecah belah. Suasana sedemikian menjadikan pertimbangan seperti membenarkan Papua Barat menikmati autonomi penuh menjadi tidak mungkin, dan menyebabkan jurang yang besar wujud

antara Jakarta dan orang Papua Barat. Selepas insiden Timor Timur, Australia mengalami kesukaran untuk memainkan peranan sebagai pengantara dalam konflik ini. Malah Australia memilih pendekatan berhati-hati dengan tidak melakukan apa-apa dasar drastik yang boleh menimbulkan kemarahan Indonesia untuk mengurangkan risiko ketegangan hubungan dua hala.

Tindakan Canberra yang mengambil langkah mudah mengabaikan konflik Papua Barat boleh menenteramkan pemerintah di Jakarta buat sementara waktu, tetapi tidak bermakna masalah ini sudah tidak menjadi penghalang kepada hubungan dua hala yang lebih kukuh. Sebaliknya, Indonesia akan terus meragui niat sebenar Australia, dan sekiranya tiada kerja-kerja diplomatik yang lebih praktik diterapkan dalam pengendalian konflik ini, Papua Barat akan sentiasa menjadi duri dalam daging kepada hubungan dua hala ini. Australia juga harus berwaspada bahawa meskipun konflik ini tidak menyebabkan konfrontasi yang serius dengan Indonesia sehingga hari ini, ia mungkin berlaku pada masa depan sekiranya konflik Papua Barat menjadi lebih teruk sehingga mewujudkan ketidakstabilan kepada pemerintah Jakarta. Dalam keadaan sedemikian, Australia terpaksa mencampur tangan untuk mengembalikan kestabilan serantau, tetapi ia akan mengundang ulangan episod Timor Timur dan sejurusnya menyebabkan ketegangan hubungan Australia-Indonesia. Berdasarkan kemungkinan sedemikian, Australia seharusnya bekerja keras membantu Indonesia mengatasi konflik ini dengan cara yang disenangi Indonesia demi kebaikan bersama.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai dasar melayani pelarian dan pencari suaka yang baik, Australia sering kali menjadi sasaran pelarian dan pencari suaka dari seluruh dunia untuk mencari kehidupan dan masa depan yang lebih baik. Kenyataan ini turut sesuai diaplikasikan ke atas pelarian dan pencari suaka Papua Barat, kerana selain

dapat menerima kebajikan yang baik di Australia, kedudukan geografi Australia yang dekat dengan kampung halaman mereka turut merupakan faktor pendorong orang Papua Barat ingin menyeludup ke Australia. Keadaan sedemikian telah mendatangkan bebanan besar kepada Australia, kerana penerimaan pelarian dari Papua Barat akan ditakrif Jakarta sebagai mencampuri hal ehwal dalaman mereka, selain merupakan tanda mencabar kedaulatan Indonesia ke atas Papua Barat dan menyebabkan kedinginan hubungan dua hala.

Masalah pelarian Papua Barat pada tahun 2006 telah membuktikan sekiranya Australia menerima penerima suaka dari Papua Barat pada masa akan datang, ia akan memburukkan hubungan dua hala, kerana tidak kira apa alasan yang diberikan Canberra, Indonesia akan mentakrifkan tindakan Australia sebagai mencabar kedaulatan mereka. Sebagai sebuah negara demokrasi yang mendukung hak asasi manusia, sekiranya peristiwa 2006 berlaku sekali lagi, Canberra juga tiada pilihan lain selain menerima pelarian dan pencari suaka Papua Barat berasaskan undang-undang yang telah termaktub. Untuk mengelakkan perkara sedemikian berlaku, Australia perlu mencari cara penyelesaian jangka panjang kerana peristiwa 2006 mungkin berulang pada bila-bila masa. Antaranya adalah membantu Indonesia menyelesaikan konflik ini secara aman dan mengemukakan cara penyelesaian yang boleh diterima semua pihak, supaya kejadian penindasan tidak berlarutan di Papua Barat, yang akan mendorong lebih banyak pelarian ingin menyeludup ke Australia.

Sekiranya masalah pelarian 2006 berulang lagi pada masa depan, ia mungkin boleh menyumbang kepada ketegangan hubungan dua hala, kerana kesepakatan antara kedua-dua negara adalah sukar dicapai dalam isu ini. Peristiwa 2006 turut mengingatkan pihak berkuasa Indonesia bahawa Australia tidak berupaya mendukung mereka dalam

semua aspek dalam konflik ini, kerana sebagai sebuah negara demokrasi, Australia turut perlu mengendalikan masalah pelarian dalam cara yang boleh diterima masyarakat dunia.

Hubungan rakyat dengan rakyat antara Australia dan Indonesia adalah tidak mesra sejak beberapa dekad yang lalu. Konflik Papua Barat dilihat memburukkan keadaan lagi, kerana rakyat kedua-dua negara mempunyai persepsi yang begitu ketara dalam melihat konflik ini. Kebanyakan rakyat Indonesia adalah beranggapan Australia ingin mencampuri hal ehwal dalaman mereka, dan mempunyai niat buruk ingin memisahkan Papua Barat dari Indonesia, seperti yang mereka lakukan ke atas Timor Timur pada tahun 1999. Bagi rakyat Australia, mereka masih tidak mempercayai Indonesia sudah menjadi sebuah negara demokrasi selepas zaman pasca Suharto, dan pembongkaran kes penganiayaan hak asasi manusia ke atas orang Melanesia Papua Barat menyebabkan mereka sentiasa menganggap Indonesia menggunakan kekerasan untuk mengekalkan pemerintahan di Papua Barat. Jurang persepsi sedemikian sukar ditutup, kerana kedua-dua rakyat Australia dan Indonesia turut dipengaruhi oleh media mereka yang bercenderung menyiarkan berita-berita negatif antara satu sama lain, termasuklah berita mengenai perkembangan di Papua Barat.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan gereja Australia yang giat membantu orang Papua Barat memperjuangkan kebajikan dan hak mereka turut dilabel pihak berkuasa Indonesia sebagai kuasa yang ingin mecabar kedaulatan Indonesia, dan menyebabkan orang Indonesia mempunyai pandangan yang negatif terhadap mereka. Keadaan di Australia adalah berbeza sama sekali, di mana tindakan NGO dan gereja telah membangkitkan kesedaran orang Australia dan menyebabkan mereka lebih bersimpati terhadap nasib orang Papua Barat. Kesedaran orang Australia boleh

mendorong mereka mendesak kerajaan Australia untuk melakukan sesuatu bagi menyelesaikan konflik yang berlanjutan, namun ia menyebabkan Canberra berada di posisi yang sukar, kerana tindakan sedemikian akan menyebabkan ketegangan hubungan dua hala. Hubungan rakyat dengan rakyat kedua-dua negara yang dingin turut merupakan antara faktor yang menghalang kerajaan Australia melakukan sesuatu yang lebih maju ke hadapan dalam konflik ini.

### **Prospek Kerjasama Australia-Indonesia Dalam Konflik Papua Barat**

Secara keseluruhannya, konflik Papua Barat telah memberikan implikasi yang negatif kepada hubungan Australia-Indonesia, dan menyebabkan tahap kepercayaan dalam peringkat antara kerajaan dan antara rakyat adalah berada di paras yang sangat rendah. Namun dalam dimensi lain, konflik ini telah menyebabkan wujudnya kerjasama yang erat antara kedua-dua negara, kerana mereka terpaksa akur dengan keperluan strategik masing-masing. Kerjasama sedemikian adalah penting sekiranya dilihat dari aspek kepentingan negara, namun dikritik hebat oleh sesetengah sarjana dan aktivis hak asasi manusia, kerana kerjasama sedemikian adalah membelakangi prinsip moral dan hak asasi manusia.

Seperti isu keganasan yang memaksa Australia dan Indonesia bekerjasama demi kepentingan bersama, konflik Papua Barat turut dilihat mempunyai peranan sedemikian, meskipun Indonesia adalah tidak menyenangi campur tangan Australia yang terlalu banyak dalam konflik ini. *Act of Free Choice* tahun 1969 mengesahkan penguasaan Indonesia ke atas Papua Barat di peringkat antarabangsa, namun banyak pihak terutamanya NGO dan sarjana Barat (termasuk Australia) adalah meragui kesahihan perjanjian ini kerana cara pengendalian perjanjian adalah penuh dengan kontroversi. Pendirian Australia yang menyokong memasukkan Papua Barat ke dalam Indonesia

adalah penting bagi Jakarta, kerana sokongan sedemikian dapat membantu mereka memperkukuhkan kesahihan ke atas Papua Barat. Pendirian Australia sedemikian juga mendatangkan kebaikan kepada mereka, kerana ia akan mengelakkan Indonesia daripada mencurigai niat sebenar mereka dalam konflik Papua Barat, di mana dalam jangka masa panjang membolehkan keselamatan serantau dapat dicapai.

Sokongan Australia yang konsisten terhadap Indonesia dalam konflik Papua Barat telah menimbulkan persoalan di kalangan rakyat mereka, kerana kerajaan mereka telah membelakangi nilai-nilai moral apabila berusaha menjalinkan hubungan yang baik dengan jiran terbesar mereka. Selepas insiden Timor Timur, dasar-dasar menyokong integrasi kesatuan Indonesia dan memilih untuk berdiam diri ke atas tindakan pihak berkuasa Indonesia yang mencaburi hak asasi manusia dilihat merupakan pilihan yang paling baik kepada kerajaan Australia dalam konflik Papua Barat, kerana campur tangan mereka tidak dapat membantu mengubah keadaan menjadi lebih baik, sebaliknya menyebabkan ketegangan hubungan dua hala yang menjadi bebanan kepada sistem pertahanan Australia. Dalam jangka masa panjang, Canberra dilihat akan mengekalkan dasar sedemikian untuk mengelakkan konflik secara langsung dengan Jakarta. Konflik Papua Barat akan terus diberi perhatian kerajaan Australia, tetapi adalah berasaskan sokongan kepada Indonesia dan bukannya masa depan orang Papua Barat.

Untuk menjalin kerjasama keselamatan yang lebih erat dengan Indonesia, Australia telah memilih untuk mengabaikan konflik Papua Barat dalam agenda mereka. Perjanjian Lombok 2006 telah membuktikan bahawa konflik Papua Barat merupakan percaturan yang terbaik untuk mereka mengekang Indonesia. Selepas insiden Timor Timur, kerajaan Indonesia yang memberhentikan perjanjian keselamatan yang ditandatangani pada tahun 1995 telah menjadi bebanan kepada perancangan

keselamatan Australia. Usaha untuk memulakan semula perjanjian keselamatan baru telah giat dijalankan kerajaan Howard sehingga termeterainya Perjanjian Lombok pada tahun 2006. Perjanjian ini membataskan perbincangan ke atas isu kedaulatan antara Australia dan Indonesia, dan memberikan kebaikan yang lumayan kepada Australia dalam beberapa aspek.

Antaranya, kewujudan semula perjanjian keselamatan membolehkan Canberra dapat menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan Indonesia dalam bidang pertahanan dan keselamatan, dan ia dapat mengurangkan perbelanjaan keselamatan akibat daripada terlalu berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya konflik atau peperangan dengan Indonesia. Selain itu, dalam hubungan dengan Indonesia, Australia dapat memeralatkan konflik Papua Barat untuk memastikan Indonesia tidak membatalkan perjanjian keselamatan, kerana sekiranya ini berlaku, dasar Papua barat Australia mungkin akan berubah sejajar dengan perkembangan semasa. Secara domestik, kerajaan Australia turut dapat membawa mesej kepada rakyatnya bahawa mereka tidak dapat campur tangan dalam konflik Papua Barat kerana ia adalah bertentangan dengan perjanjian yang telah dimeterai. Konflik Papua Barat telah menawarkan peluang yang baik untuk Canberra bagi memperkuatkan lagi hubungan keselamatan dengan Indonesia, kerana penguasaan Jakarta ke atas Papua Barat adalah kepentingan bersama dalam waktu jangka panjang.

Hubungan ekonomi juga merupakan faktor penting mengapa Australia menyokong Papua Barat terus kekal di Indonesia. Secara keseluruhannya, hubungan ekonomi Australia-Indonesia adalah penting, kerana selain menawarkan pasaran untuk barangan Australia dieksport ke Indonesia, kapal-kapal perdagangan Australia juga perlu melalui perairan Selat Melaka milik Indonesia untuk barangan mereka dieksport



ke pasaran Asia dan Eropah. Di Papua Barat, pelaburan syarikat perlombongan Australia di beberapa kawasan perlombongan juga adalah lebih senang, kerana mendapat perlindungan daripada Tentera Nasional Indonesia (TNI). Sekiranya Papua Barat merdeka dan menubuhkan negara baru, kerajaan baru mungkin tidak berupaya mengawal rakyat mereka yang menyerang fasiliti syarikat perlombongan Australia dan akan menyebabkan kerugian yang teruk.

Selain itu, Australia juga memiliki keuntungan daripada keadaan tidak stabil Papua Barat, di mana syarikat Freeport yang memilih Cairns yang terletak di Queensland sebagai tapak untuk pekerja mereka berehat, dan menghantar bekalan yang diperlukan pekerja mereka di Papua Barat, berdasarkan faktor keselamatan yang tidak dapat diperoleh di mana-mana bahagian Papua Barat. Kepentingan ekonomi Australia di Papua Barat akan lebih terjamin, sekiranya Papua Barat terus dikekalkan di Indonesia, kerana tentera mereka berupaya mengawal keadaan di sana.

### **Cadangan Untuk Kajian Masa Depan**

Bagi penyelidik yang ingin menjalankan kajian dalam bidang ini pada masa depan, mereka boleh memberi perhatian kepada beberapa aspek. Antara yang terpenting adalah bagaimanakah perkembangan demokrasi di Indonesia telah memberi pengaruh kepada konflik ini. Selepas Indonesia memasuki era demokrasi, rakyatnya memiliki kebebasan yang sangat besar berbanding waktu dahulu, dan ia mungkin menyebabkan konflik Papua Barat boleh dibincang secara terbuka di media Indonesia. Perkembangan sedemikian mungkin akan meningkatkan kesedaran orang Indonesia secara keseluruhan mengenai nasib yang diterima orang Papua Barat, dan mungkin akan menyeru kerajaan mereka melakukan sesuatu untuk mengembalikan keamanan dan kestabilan di Papua Barat. Namun demikian, ia juga mungkin menyebabkan masalah yang lebih rumit.

Semangat nasionalistik rakyat Indonesia adalah tinggi dan tidak mungkin untuk mereka menerima Papua Barat diberikan merdeka. Keadaan ini mungkin akan dimanipulasikan oleh ahli politik yang tidak bertanggungjawab dan mengerahkan lebih banyak tenaga tentera untuk mengawal keadaan di Papua Barat sekiranya mereka menerajui pemerintahan di Jakarta.

Aktiviti perlombongan dan perdagangan terutamanya yang melibatkan syarikat Australia di Papua Barat juga perlu dikaji dengan lanjut, kerana ia mungkin merupakan antara sebab utama mengapa Australia ingin memastikan Papua Barat terus kekal di Indonesia supaya kepentingan mereka tidak tercabar. Selain itu, sejauh manakah Australia dan Indonesia boleh menerima kemungkinan Papua Barat merdeka juga harus dikaji, kerana ia akan dapat mengenal pasti sama ada Indonesia akan melaksanakan dasar Papua Barat yang lebih toleransi atau keras pada masa akan datang; dan apakah Australia akan lebih aktif atau pasif dalam dasar Papua Barat Canberra.

## **Kesimpulan**

Selepas era Suharto, konflik Papua Barat merupakan antara faktor penting yang boleh menggugat kestabilan hubungan dua hala Australia-Indonesia. Faktor utama yang menyumbang kepada keadaan ini adalah tahap kepercayaan kedua-dua negara yang terkikis semasa pengendalian konflik Timor Timur masih berlanjutan sehingga kini. Persepsi negatif antara rakyat kedua-dua negara turut menyumbang kepada ketegangan hubungan dua hala, dan menyebabkan dasar Papua Barat sering dikutuk oleh rakyat Australia kerana beranggapan mereka berpeluk tubuh terhadap ketidakadilan yang berlaku ke atas orang Papua Barat. Selepas termeterainya Perjanjian Lombok 2006, hubungan Australia-Indonesia seperti telah kembali ke kemuncaknya, di mana perselisihan antara kedua-dua kerajaan adalah semakin berkurangan. Namun, ia

sebenarnya cuma merupakan ilusi, kerana Australia cuba menghindari daripada membincangkan perkara-perkara sensitif Indonesia seperti konflik Papua Barat, dan ia tidak banyak membantu dalam membina hubungan dua hala yang kukuh pada jangka masa panjang.

Konflik Papua Barat dilihat semakin kompleks sejak 2011, di mana kes-kes tunjuk perasaan dan permogokan di kawasan perlombongan, dan serangan hendap terhadap pihak berkuasa Indonesia adalah semakin meningkat dari hari ke hari. Perkembangan sedemikian mungkin akan mengheret konflik ini ke arah yang lebih sukar dikawal, dan Jakarta mungkin terpaksa menggunakan kekerasan untuk mengawal keadaan daripada merebak ke seluruh pelusuk Papua Barat. Penindasan sedemikian mungkin akan menyebabkan peristiwa berdarah dan memaksa Australia campur tangan dalam konflik ini. Dalam keadaan sedemikian, Australia tidak dapat mendiamkan diri lagi, dan mungkin terpaksa melakukan perkara yang sama seperti pada 1999 ketika mengendalikan konflik Timor Timur.

Kerajaan Australia perlu bersedia menghadapi kemungkinan sedemikian, untuk mengelakkan pembuat keputusan di Canberra membuat keputusan yang terburu-buru yang boleh memburukkan hubungan dua hala. Canberra harus memandang berat konflik Papua Barat, dan memainkan peranan sebagai pengantara kepada Jakarta dan pemimpin orang Papua Barat supaya resolusi keamanan boleh dicapai. Pendekatan Australia yang memilih untuk mendiam diri dan mengabaikan konflik Papua Barat dalam hubungan dengan Indonesia mungkin akan merugikan diri sekiranya situasi di Papua Barat menjadi tidak terkawal pada suatu hari nanti.